

Newspaper : **Berita Harian**  
Date : **5th April 2013**  
Title : **Prasarana, Bina Puri maju projek 1.3b**  
Section : **Bisnes** Page : **3**

## Prasarana, Bina Puri maju projek RM1.3b

**Syarikat** Prasarana Negara Bhd akan memajukan projek hartanah bercampur bernilai RM1.3 bilion di Brickfields secara perkongsian awam-swasta dengan anak syarikat Bina Puri Holdings Bhd, Bina Puri Construction Sdn Bhd.

Projek itu akan dimajukan di tapak terbiar seluas kira-kira 1.87 hektar milik Prasarana yang terletak berhampiran Stesen Monorail Tun Sambanthan.

Ia akan membabitkan pembinaan tiga menara bagi 1,660 unit SOVO, bangunan 22 tingkat untuk suite servis, podium komersial, SkyBridge, restoran dan tempat parkir kereta.

Anak syarikat Prasarana, iaitu Prasarana Integrated Development Sdn Bhd (PRIDE) akan menjadi pengurus projek berkenaan.

Ketua Eksekutif PRIDE, Rudyanto Azhar, berkata keputusan bekerjasama dengan Kumpulan Bina Puri itu dimuktamadkan selepas kajian menyeluruh dilaksanakan bagi semua cadangan yang dikemukakan syarikat pemaju hartanah utama negara.

### FAKTA NOMBOR

**1.87**  
hektar

luas projek hartanah bercampur di Brickfields

### Projek keempat

Beliau menjelaskan, projek di Brickfields itu adalah yang keempat bagi Prasarana di bawah segmen hartanah dan rel selepas menara RM1.04 bilion di stesen LRT Dang Wangi, projek komersial bercampur Stesen LRT Ara Damansara, dan projek usaha sama Naza TTDI bagi menara kondominium 26 tingkat bernilai RM153 juta di Taman Tun Dr Ismail.

“Pembangunan baru ini akan mengubah sepenuhnya kawasan itu yang mana satu gaya hidup baru akan diwujudkan menepati kehidupan sesuai untuk bekerja, tempat tinggal, belajar dan hiburan yang hampir dengan infrastruktur pengangkutan awam.

“Kami berharap dapat mengubah landskap gaya hidup di kawasan ini. Ia akan dilengkapi lagi dengan projek River of Life dan penyambungan pembangunan KL Sentral pada masa depan,” katanya dalam satu kenyataan bersama Kumpulan Bina Puri di Kuala Lumpur, semalam.

From : Group Corporate  
Date : 5th April 2013  
Subject : Bina Puri News U

S”